

25/10/1997

Rakyat, kerajaan perlu seiring tangani krisis

Arifin

SEBAGAI rakyat, saya bangga dengan kemajuan yang dicapai negara selama ini. Oleh itu, kejatuhan nilai ringgit akhir-akhir ini benar-benar membuatkan saya terkilan. Kita faham, motif di sebalik kejatuhan mata wang sekarang disebabkan spekulator dan tangan Yahudi di Barat yang disembunyikan selepas membaling batu.

Namun, kita tidak mudah termakan helah media mereka yang menyebarkan dakyah dan cuba meletakkan kesalahan ke atas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sering mengkritik mereka.

Sebagaimana yang pernah didedahkan Dr Mahathir, sesetengah negara Barat amat iri hati dan cemburu dengan kejayaan Malaysia dan negara Asean yang pernah dijajah oleh mereka. Jika boleh mereka mahu melihat kita terus mundur dan sentiasa menurut telunjuk mereka. Mereka akan beritahu kita apa yang boleh kita lakukan, dan sebaliknya.

Saya yakin krisis mata wang ini boleh ditangani dengan berkesan jika rakyat negara ini insaf dan bangkit seiring dengan kerajaan bagi menentang komplot jahat Barat dan jutawan Yahudi yang bersekongkol dengan mereka. Inilah masanya untuk kita menunjukkan semangat patriotik dan kesepaduan kita - melalui disiplin dan sedikit pengorbanan. Setiap orang boleh menyumbang dan menjalankan tanggungjawab masing-masing dan tindakan secara kolektif antara rakyat dan kerajaan ini pasti akan memberi kesan yang besar.

Beberapa langkah berikut diambil bagi mengatasi masalah imbalan pembayaran negara:

- * Kurangkan semua perbelanjaan individu dan organisasi. Jika terpaksa membeli juga, belilah barangan keluaran tempatan;

- * Tangguhkan semua pembelian yang membabitkan barangan import;

- * Belanjawan seluruh agensi kerajaan dikurangkan termasuk delegasi kurang penting, pelancongan dan pelajar baru ke luar negeri sehingga ekonomi pulih;

- * Memulakan kempen pertanian yang agresif dan komprehensif bagi mengurangkan pergantungan negara kepada hasil pertanian atau makanan import;

- * Orang ramai hendaklah mengetuai keluarga dan anak mereka supaya menambah tabungan dalam skim tabungan sedia ada (ASN/ASB, ASW2020 dan lain-lain). Sedikit-sedikit, lama-lama jadi gunung!;

- * Menangguhkan projek 'mega';

- * Melantik agensi kerajaan sedia ada di seberang laut bagi mempromosikan Malaysia. Pelajar mungkin boleh menjadi wakil atau 'duta kecil' yang berkesan;

- * Mengenakan satu bentuk cukai atau levi kepada sesiapa termasuk pekerja asing yang mengirim/membawa wang melebihi RM1,000 dari negara ini; dan

- * Mewujudkan satu 'tabung sumbangan rakyat' bagi membolehkan dermawan, ahli korporat dan orang ramai menyumbang bagi menampung kos operasi.